

**THE POTENTIAL OF GENERAL STUDIES COURSES (MPU) IN MALAYSIAN  
HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS (IPT) FOR THE  
DEVELOPMENT OF STUDENTS' SOFT SKILLS**

**POTENSI KURSUS MATA PELAJARAN UMUM (MPU) DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI  
(IPT) DI MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN INSANIAH PELAJAR**

Nik Liyana Mustapa @ Nik Daudi<sup>i</sup> & Wan Norhaniza Wan Hasan<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> (*Corresponding author*). Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Kedah Branch, Malaysia. nikliyana@uitm.edu.my)

<sup>ii</sup> Senior Lecturer Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. wanhaniza@usm.my)

Received: 28 August 2024

*Article Progress*  
Revised: 3 October 2024

Accepted: 30 October 2024

<b>Abstract</b>	<p><i>The introduction of the General Studies Course (MPU) since 2013 in Higher Education Institutions (IPT) is based on the philosophy of science, which encompasses the scientific fields of humanities, pure sciences, and social sciences. However, this MPU course has attracted the attention of several parties who assume that the course is not important and therefore should not be compulsory for students due to some factors such as the burden of subjects and assignments on students and the belief that students should only focus on the subjects relevant to the course taken. Therefore, this paper aims to identify the potential of General Studies courses (MPU) in Malaysian Higher Education Institutions (IPT) for the development of students' soft skills and to analyze the potential of General Studies courses (MPU) in Higher Education Institutions (IPT) in Malaysia for the development of students' soft skills. This study is descriptive and uses a qualitative content analysis approach. The results of the study are grouped according to the themes that emerged from manual research. The study shows that MPU courses offer added value for students and have a positive impact on the development of soft skills that are important for students. Therefore, the MPU course should be continued with some improvements to realize the National Education Philosophy and produce students who are physically, emotionally, spiritually, and intellectually balanced (JERI).</i></p> <p>Keywords: <i>General Studies Course (MPU), Malaysian Higher Education Institutions, Development of Students' Soft Skills, Quality Education.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Pengenalan kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) sejak 2013 di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berteraskan cabang Falsafah Ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian Kemanusiaan, Sains Tulen dan Sains Sosial. Namun begitu, kursus MPU ini telah mendapat perhatian beberapa pihak yang beranggapan kursus ini tidak penting dan tidak perlu diwajibkan kepada</i></p>

	<p><i>pelajar kerana beberapa faktor antaranya faktor bebanan subjek dan tugas yang telah banyak diambil oleh pelajar selain pelajar hanya perlu memfokuskan kepada subjek-subjek yang berkaitan dengan kursus yang diambil sahaja. Atas sebab ini, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti potensi kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dalam pembangunan insaniah pelajar dan menganalisis potensi kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia dalam pembangunan insaniah pelajar. Kajian ini menggunakan rekabentuk deskriptif dan menggunakan pendekatan analisis kandungan kualitatif. Dapatan kajian dikelompokkan mengikut tema yang muncul berdasarkan penelitian yang dilaksanakan secara manual. Kajian ini mendapati Kursus MPU memberi nilai tambah kepada pelajar selain memberi impak positif kepada pembangunan insaniah para pelajar dan relevan untuk pelajar. Justeru, kursus MPU wajar diteruskan dengan beberapa penambahbaikan agar mampu mencapai Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan pelajar yang seimbang daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI).</i></p> <p>Kata kunci: Mata Pelajaran Umum (MPU), Institusi Pengajian Tinggi Malaysia, Pembangunan Insaniah Pelajar, Pendidikan Berkualiti.</p>
--	--

## PENDAHULUAN

*“Tertiary Education is instrumental in fostering growth, reducing poverty, and boosting shared prosperity. It benefits not just the individual, but the entire educational system.”* (World Bank, 2024).

Pengajian tinggi penting sebagai pemberdaya (*enabler*) kemajuan, pengurangan kemiskinan serta menggalakkan kemakmuran masyarakat dan negara. Justeru, pendidikan tinggi mempunyai peranan yang lebih luas melangkaui pengeluar dan penghasil tenaga kerja mahir dan profesional. Malah, sektor ini berperanan penting dalam mewujudkan individu berintelekt, berkemahiran serta mempunyai sahsiah berkualiti. Bagi memastikan hasrat ini dapat dicapai, kursus bukan major dan elektif ditawarkan di kebanyakan institusi pengajian tinggi dunia. Movchan dan Zarishniak (2017) contohnya mendapati bahawa integrasi kursus bukan major dalam kurikulum akademik pelajar atau mahasiswa pengajian tinggi membolehkan pengetahuan seperti mobiliti, budaya, bahasa dan agama serta nilai seperti empati, profesionalisme dan komitmen terhadap bangsa manusia disuntik kepada pelajar. Ini seterusnya membangunkan pemikiran analitikal dan strategik sekali gus meningkatkan kualiti perkembangan peribadi mahasiswa.

Di Malaysia, kursus Mata Pelajaran Umum atau kursus MPU merupakan beberapa mata pelajaran yang diwajibkan kepada para pelajar di universiti sama ada di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mahupun di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Kursus MPU bertujuan untuk meningkatkan kualiti pembangunan insaniah dalam kalangan pelajar. Perlaksanaannya kini turut berasaskan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) dalam menyokong institusi pengajian tinggi (IPT) membentuk kurikulum yang bersepadu sejajar dengan keperluan semasa (Ruzaini Ijon et al., 2021).

Persoalannya, apakah potensi kursus MPU di IPT di Malaysia dalam pembangunan insaniah pelajar? Bagaimana kursus MPU di IPT di Malaysia dapat membangunkan insaniah pelajar? Bagaimanakah keberkesanan kursus MPU di IPT kepada pembangunan insaniah pelajar? Bagi menjawab persoalan ini, dua objektif dikemukakan. Pertama, mengenal pasti potensi kursus MPU di IPT di Malaysia dalam pembangunan insaniah pelajar. Kedua, menganalisis potensi kursus MPU di IPT di Malaysia dalam pembangunan insaniah pelajar. Kajian ini menggunakan rekabentuk deskriptif dan menggunakan kajian dokumen dalam kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis kandungan kualitatif digunakan untuk

menganalisis data. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan berkenaan potensi kursus MPU di IPT di Malaysia dalam pembangunan insaniah pelajar dan bagaimana kursus MPU di IPT di Malaysia dapat membangunkan insaniah pelajar. Oleh itu, perbincangan kertas kerja ini dibahagikan kepada empat bahagian utama. Pertama, konsep kursus MPU; kedua, pelaksanaan kursus MPU; ketiga, potensi kursus MPU dalam pembangunan insaniah pelajar; keempat, kesimpulan.

### **KONSEP KURSUS MPU**

Kursus MPU merupakan salah satu sistem sokongan pembelajaran yang disenaraikan dalam 2022-2025. Pemantapan kursus MPU disenaraikan sebagai salah satu agenda *Lonjakan 1: Graduan Holistik Berciri Keusahawanan dan Seimbang* (Kementerian Pengajian Tinggi, 2022). Kefahaman terhadap Kursus MPU ini boleh diteliti berdasarkan konsep MPU yang dijelaskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (2016), skop dan objektif penawaran kursus MPU.

#### **Konsep MPU**

Perancangan akademik masa kini mengusulkan supaya pengajian umum diperluaskan meliputi aspek-aspek penataran ilmu seperti kemahiran berkomunikasi, keterampilan, penghayatan nilai-nilai murni dan sejarah serta pendedahan kepada bidang pengetahuan umum yang lebih luas skopnya melampaui batas-batas disiplin ilmu tradisional. Hal ini termasuklah pendedahan kepada bidang-bidang baharu seperti seni, falsafah dan bahasa asing. Penekanan kepada perluasan pengajian umum ini, pada prinsipnya, adalah selaras dengan cita-cita ke arah melahirkan siswazah berfikiran luas, seimbang dan holistik.

Maka, pengajian umum bermaksud program pendidikan prasiswazah yang bertujuan membekalkan pelajar dengan ilmu persediaan untuk hidup dalam masyarakat moden. Ilmu tersebut meliputi kefahaman tentang nilai-nilai mulia, sejarah dan tanggungjawab dalam masyarakat, penguasaan kemahiran insaniah, perluasan ilmu berteraskan Malaysia dan berupaya mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian (Kementerian Pengajian Tinggi, 2016).

#### **Skop dan Objektif Penawaran**

Pelajar di IPT memerlukan beberapa keterampilan intelektual yang membolehkannya mengambil bahagian secara berkesan dalam masyarakat. MPU bertujuan menyediakan pelajar dengan keterampilan yang tertentu. Di samping memperoleh pendedahan kepada ciri-ciri keterampilan intelektual, kursus MPU juga menjadi kursus pelengkap kepada kursus-kursus yang ditawarkan dalam program pengkhususan pelajar. Justeru, tujuan MPU diperkenalkan adalah seperti berikut:

1. Penyelarasan Mata pelajaran Wajib kepada Mata Pelajaran Pengajian Umum di IPT
2. Pembinaan Negara Bangsa
3. Penguasaan dan Peluasan Kemahiran Insaniah
4. Penguatan dan Peluasan Pengetahuan di Malaysia
5. Pengaplikasian Kemahiran Insaniah (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Berdasarkan tujuan yang dijelaskan, maka MPU telah dibahagikan kepada empat kelompok iaitu;

- U1 penghayatan falsafah, nilai dan sejarah
- U2 penguasaan kemahiran insaniah
- U3 perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia
- U4 kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016)

Objektif sesuatu pelaksanaan penting agar sesuatu yang dirangka dan dirancang mampu mencapai objektif dengan berkesan. Menurut Ruzaini Ijon et al., (2021) antara objektif diperkenalkan MPU adalah supaya pelajar dapat menanam nilai-nilai murni yang boleh dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka. MPU juga dapat diperkenalkan untuk menyelaraskan Mata Pelajaran Wajib (MPW) kepada MPU yang terdapat di IPT untuk memastikan kualiti yang baik yang dapat membantu ke arah pembinaan negara bangsa dan juga amalan kemahiran insaniah dalam kalangan mahasiswa (Ng & Iswandi, 2017).

Kajian oleh Roselina (2009), Shaharuddin et al. (2010) menghujahkan keperluan kepada penelitian berterusan daripada pihak berwajib mengenai aspek kemahiran insaniah pelajar. Fairuzza et al. (2011) berpandangan kemahiran insaniah menjadi antara elemen yang sangat dititikberatkan oleh bakal majikan. Kegagalan menonjolkan elemen tersebut membawa kepada kesukaran graduan IPTA dan IPTS bagi mendapatkan pekerjaan yang sesuai. Kajian oleh Shaharuddin et al. (2010) misalnya mendapati kemahiran pengurusan (*management skill*) serta pengantarabangsaan (*globalization*) dalam kalangan pelajar di IPTA berada pada tahap yang rendah justeru memerlukan penelitian semula oleh pelbagai pihak universiti dalam merangka pembangunan kurikulum pelajar.

### **PERLAKSANAAN KURSUS MPU**

Perlaksanaan kursus MPU di IPT dapat difahami dengan meneliti latar belakang penawaran kursus MPU di IPT dan struktur pelaksanaan kursus MPU di IPT.

#### **Latar Belakang Penawaran Kursus MPU di IPT**

MPU merupakan hasil penstrukturan semula Mata Pelajaran Wajib (MPW) yang telah digunakan sebelum pelaksanaan MPU. Terdapat beberapa isu yang timbul berkaitan MPW antaranya kelunturan semangat patriotisme dalam kalangan pelajar IPT terutamanya di IPTS, MPW yang diajar di IPTA dan IPTS tidak seragam dan kurikulum MPW telah lama digunakan serta perlu dibuat penambahbaikan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyemak kembali kurikulum penawaran MPW di semua IPT dalam negara termasuklah menubuhkan pasukan penyelidik untuk menstrukturkan semula MPW (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Hasil kajian berbentuk pemerhatian dan kumpulan berfokus yang dilakukan oleh pasukan penyelidik, satu struktur MPW yang baru telah diperkenalkan dan dikenali sebagai Mata Pelajaran Umum (MPU). Selain itu perbincangan dua hala turut dilaksanakan antara pelbagai pihak seperti golongan pelajar, badan profesional, pemilik IPTS dan IPTA serta Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Justeru, melalui perbincangan tersebut persetujuan untuk melaksanakan MPU di semua IPT termasuklah IPTA dan IPTS dicapai dan dimeterai (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

#### **Struktur Pelaksanaan Kursus MPU di IPT**

Pelaksanaan kursus MPU melibatkan struktur di peringkat Sarjana Muda, Diploma dan Sijil. Pelajar diwajibkan lulus dan melengkapkan kelompok U1, U2, U3, dan U4 sebagai syarat untuk menamatkan pengajian. Perincian struktur pelaksanaan MPU seperti Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Struktur Pelaksanaan MPU

Tahap Pengajian	<input type="checkbox"/> 2 atau 3 kredit setiap kursus dalam kelompok U1 <input type="checkbox"/> 2 atau 3 kredit setiap kursus dalam kelompok U2 dan U3 <input type="checkbox"/> 2 kredit bagi setiap kursus dalam kelompok U4				Jumlah Kredit
	U1	U2	U3	U4	
Sarjana Muda, *Sijil Siswazah dan *Diploma Siswazah <b>(Tahap 6 KKM)</b>	2 kursus (4-6 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 kredit)	<b>10 - 14</b>
*Diploma Lanjutan <b>(Tahap 5 KKM)</b>	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 kredit)	<b>8 - 11</b>
Diploma <b>(Tahap 4 KKM)</b>					
Sijil <b>(Tahap 3 KKM)</b>	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	1 kursus (2 atau 3 kredit)	-	<b>6 - 9</b>

\* Penawaran MPU bagi program Diploma Lanjutan, Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah adalah **diwajibkan** kepada pelajar yang belum pernah mengambil MPU pada peringkat pengajian sebelumnya. Jumlah kredit yang perlu diambil adalah seperti di Tahap 3 iaitu 6-9 jam kredit (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Manakala contoh Pelaksanaan Kelompok U2, U3, Dan U4 seperti Jadual 2 di bawah. Begitu juga Penetapan kod kursus seperti Jadual 3.

Jadual 2 : Pelaksanaan Kelompok U2, U3, Dan U4

U2 (2 atau 3 kredit)	U3 (2 atau 3 kredit)	U4 (2 kredit)	Bahasa Pengantar	
Kemahiran Kepimpinan dan Hubungan Insan	Ekonomi Malaysia	Khidmat Masyarakat	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
Kemahiran Reka cipta dan Inovasi	Kerajaan dan Dasar Awam Malaysia	Ko-kurikulum	√	√
Kemahiran Menulis	Perlakuan Organisasi Dalam Masyarakat Pelbagai Etnik Malaysia	Atau lain- lain yang dicadangkan oleh KPT dan IPT	√	√
Kemahiran Berfikir	Perbandingan Agama		√	√
Kemahiran Keusahawanan	Etika Perbandingan		√	√
Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan IPT	Atau lain-lain yang dicadangkan oleh KPT dan IPT		√	√

Nota:

- ❖ Kursus-kursus U2-U4 ditetapkan oleh IPT.
- ❖ Bagi pelajar warganegara yang tidak mendapat kredit di dalam kursus Bahasa Melayu peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) maka DIWAJIBKAN mengambil kursus Bahasa Kebangsaan A sebagai komponen U2.

(Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016)

Jadual 3: Kaedah Penetapan Kod Kursus

U1	U2	U3	U4
1 = Hubungan Etnik 2 = TITAS 3 = B.M. Komunikasi 1 4 = B.M. Komunikasi 2 5 = Pengajian Malaysia 1 6 = Pengajian Malaysia 2 7 = Pengajian Malaysia 3	1 = Bahasa Kebangsaan A  Lain-lain kursus diselaraskan oleh IPT	Diselaraskan oleh IPT	Diselaraskan oleh IPT

(Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016)

Pelaksanaan terkini ialah penilaian 100% berasaskan penilaian secara berterusan. Kaedah penilaian ini bertepatan sebagaimana yang digariskan oleh KPT iaitu pelaksanaan pentaksiran berterusan dan pentaksiran sumatif dalam kursus yang melibatkan penggunaan teknik serta pendekatan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi. Selain itu, penilaian juga berdasarkan pentaksiran secara peperiksaan yang dilaksanakan melalui ujian, pembentangan dan juga pelaksanaan projek. Penilaian juga turut dilaksanakan berasaskan persoalan dan inkuiri seperti kajian kes, penyelidikan, simulasi, refleksi, pengalaman melalui lawatan, sangkutan dan sebagainya (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016).

Pelaksanaan MPU sebagaimana yang digariskan oleh KPT pada tahun 2016 telah membuat ketetapan bahawa komponen MPU dibahagikan kepada empat kelompok utama iaitu pertama U1: Penghayatan falsafah, nilai dan sejarah, U2: Penguasaan kemahiran insaniah, U3: Perluasan ilmu pengetahuan tentang Malaysia dan terakhir melibatkan U4: Kemahiran pengurusan masyarakat yang bersifat praktikal seperti khidmat masyarakat dan kokurikulum (Kementerian Pengajian Tinggi, 2016).

### Potensi Kursus MPU di IPT dalam Pembangunan Insaniah Pelajar

Penawaran kursus MPU ini asasnya bagi menyediakan pelajar dalam kehidupan masyarakat moden. Pelan menggunakan kursus MPU untuk tujuan meningkatkan minda dan kemahiran keusahawanan selain menjadikannya sebagai medium program pembelajaran berdasarkan pengalaman. Selain keusahawanan sebagai nilai utama, kursus MPU mempunyai struktur untuk menyokong tujuan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi) untuk melahirkan graduan seimbang, holistik dan berciri keusahawanan, memupuk pencipta pekerjaan serta membina kecemerlangan bakat (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2015).

Penerapan nilai murni sebagai individu dan anggota masyarakat, kemahiran insaniah dan kemahiran bahasa menjadi antara ilmu penting yang terangkum dalam kursus (Ruzaini Ijon et al, 2021). Terdapat banyak kajian yang dilaksanakan oleh penyelidik dalam mengukur tahap keberkesanan kursus MPU terhadap para pelajar. Kajian oleh Abd Rashid (2015), Hamidah et al. (2011), Ng dan Iswadi (2017), Nurul Farhanah (2019) dan Noor Aziera et al. (2020) merumuskan penawaran kursus MPU memberi impak positif kepada pembangunan insaniah para pelajar dan relevan untuk pelajar.


Selain itu, kajian lain yang seringkali dilakukan oleh penyelidik berkaitan kursus MPU turut menjurus kepada kajian keberkesanan kursus tersebut kepada pelajar. Menurut Ruzaini Ijon et al. (2021), kajian mengenai keberkesanan kursus MPU telah dilaksanakan bagi meneliti keberkesanan kursus MPU di universiti-universiti awam dan swasta, termasuk oleh Zarina et al. (2010) yang mendapati bahawa kemahiran personaliti serta pengetahuan pelajar meningkat setelah mengikuti kursus MPU. Faridah Che Husain dan Fakhuruladabi (2012) menghujahkan hubung kait antara pembentukan hati budi yang diterap secara tidak langsung dalam pengajian kursus TITAS mendidik akhlak dan moral pelajar. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Ateerah Abdul Razak et al. (2022) mendapati bahawa pelajar mengakui nilai toleransi wujud dalam kurikulum MPU dan ia mampu mendidik pelajar mengaplikasi nilai murni dalam kehidupan seharian.

Pandangan tersebut dipersetujui oleh Abd. Rashid (2015) melalui kajian terhadap kursus TITAS di IPTS yang berlatarbelakangkan pelajar jurusan kejuruteraan teknologi berminat dan mempunyai persepsi positif terhadap kursus MPU. Beliau mencadangkan kaedah *student centered learning* dan penggunaan *e-learning* sebagai antara aspek pengajaran yang perlu diberi perhatian oleh pengajar kursus MPU.

Kajian oleh Nor Azlina Endut et al. (2019) juga menunjukkan bahawa MPU mendidik pelajar supaya memiliki karakter yang baik dan prihatin dengan isu semasa. Kajian oleh Suzy Aziziyana Sali et al. (2018) menyokong keperluan memberikan platform untuk interaksi sosial pelajar pelbagai latar belakang. Pengkaji-pengkaji ini mengusulkan perlunya dialog antara etnik untuk meningkatkan hubungan sosial dalam kalangan pelajar. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dilaksanakan oleh Sakinatul Raadiyah Abdullah et al. (2022) yang mengkaji keberkesanan kursus Penghayatan Etika dan Peradaban dalam memupuk kesepaduan kaum.

Bahkan kursus MPU boleh menjadi platform bagi meningkatkan lagi interaksi antara pelajar daripada pelbagai latar belakang. Hal ini berikutan struktur kursus MPU yang dilihat mampu untuk melahirkan graduan yang holistik, menghayati nilai-nilai patriotisme dan jati diri beracuan Malaysia serta menguasai kemahiran insaniah ke arah memenuhi kebolehpasaran kerja (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Kaedah ini sekali gus dalam memacu semangat perpaduan dan membina negara bangsa Malaysia yang unggul.

Kursus MPU merangkumi pelbagai aspek dan kualiti yang menjangkau batas kursus major yang ditawarkan di universiti. Melalui kursus-kursus MPU, pelajar diterapkan dengan elemen kreatif, minda usahawan semangat bekerjasama dan kualiti kepimpinan. Kesemua kualiti ini amat diperlukan dalam pasaran kerja selain penting dalam mewujudkan masyarakat intelek yang harmoni.



Rajah 1: Potensi pembangunan insaniah pelajar melalui Kursus MPU

Rajah 1 menunjukkan sekurang-kurangnya tujuh potensi yang boleh diperolehi bagi pembangunan insaniah pelajar universiti melalui kursus MPU. Bagi menjadikan potensi-potensi ini sebagai satu realiti, pelaksanaan secara sistem melalui struktur penawaran

kursus yang sesuai dengan beban masa pembelajaran pelajar perlu diperdalam agar kandungan kursus MPU dapat dihayati dan bukan sekadar satu mata pelajaran dalam dewan kuliah. Mekanisme maklum balas pelajar boleh digunakan untuk membolehkan proses pembelajaran kursus MPU lebih interaktif sekali gus menarik minat pelajar universiti yang terdiri pelbagai tumpuan latar belakang program pengajian.

## **KESIMPULAN**

Tujuan utama kajian ini ialah untuk membincangkan berkenaan potensi kursus MPU di IPT di Malaysia dalam pembangunan insaniah pelajar dan keberkesanan kursus MPU ini dalam pembangunan insaniah pelajar. Hasil kajian ini mendapati terdapat banyak nilai dan impak positif hasil daripada pelaksanaan kursus MPU. Penemuan utama hasil kajian ini menemukan tiga potensi kursus MPU di IPT. Pertama, kesepaduan ilmu dalam subjek MPU dan struktur kursus membantu membina insan yang seimbang dan graduan yang holistik; kedua, membantu para pelajar menguasai kemahiran insaniah dan mendidik pelajar mengaplikasikan nilai murni dalam kehidupan seharian; dan ketiga, meningkatkan hubungan sosial dan pementapan jati diri para pelajar melalui semangat patriotisme. Pada masa yang sama, penambahbaikan berterusan melalui penglibatan pelajar dalam menyesuaikan kurikulum kursus MPU dan mencari pendekatan baru untuk pengajaran dan pembelajaran dapat menggalakkan potensi dan keberkesanan kursus MPU dalam membangunkan insaniah mahasiswa yang dihasilkan oleh institusi pendidikan tinggi Malaysia.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- Abdillah, H. (1984). *Memahami komunikasi antara manusia*. Usaha Nasional.
- Ahmad Sunawari, L. (2008). *Pengenalan metodologi penyelidikan pengajian Islam*. Jabatan Usuluddin dan Falsafah.
- Anderson, G. J (1998). *Fundamentals of Educational Research*. Falmer.
- Babbie E. (2010). *The practice of social research*. Wadsworth Cengage Learning.
- Beyer, B. K. (1988). *Developing a thinking skills program*. Allyn and Bacon.
- Blaxter, L., Hughes, C., & Tight, M. (2001). *How to research*. Open University Press.
- Charmaz, K. (2006). *Constructing Grounded Theory: A Practical Guide through Qualitative Analysis*. Sage.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan*. Mc Graw-Hill Sdn.Bhd.
- Daly, K. J. (2007). *Qualitative methods for family studies and human development*. University of Guelph.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2002). *Kamus Dewan*. Ed. Baru. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewey, J. (1910). *How we think*. D.C. Heath & CO.
- Huey, T. C. (1990). *Theory-Driven Evaluation: Conceptual Framework, Methodology, and Application*. CA: Sage.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2016). *Garis panduan Mata Pelajaran Umum (MPU)*. Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Lofland, J. (1995). *Analyzing social settings: a guide to qualitative observation and analysis*. Publishing Company.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research Methods* (2nd ed.). Sage Publications, Inc.
- Pranee Liamputtong. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. UPM Press.
- Sperry, R. (1970). *Early experience in visual information processing in perceptual and reading disorders*. National Academy of Sciences.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah penulisan dan panduan penulisan esei, proposal, tesis*. Utusan Publication and Distributors Sdn Bhd.
- Syukur Kholil. (2006). *Metodologi penelitian komunikasi*. Citapustaka Media.

- Taylor, G.R. (ed.) (2000). *Integrating Quantitative and Qualitative Methods in Research*. University Press of America, Lanham, Maryland.
- Taylor, S. J. dan Bogdan, R. (1984). *Introduction to qualitative research methods: The search for meanings*. Second Edition. John Wiley and Sons. Toronto.
- Wilensky, W. W. (1994). *Why all this fuss about teaching thinking?: A rationale for development student's critical thinking through questioning*. Human Society & Its Environment Council.

### **Jurnal**

- Movchan, L. & Zarishniak, I. (2017). The role of elective courses in students' professional development: foreign experience. *Comparative Professional Pedagogy*, 7(2), 20-16.
- Nickerson, R. S. (1984). Retrieval inhibition from part-set cuing: A persisting enigma in memory research. *Journal of memory and cognition*, 12(6), 531-552.
- Noor Aziera, M.R., Siti Nurul, I., Norafifah, A.H., Mohd Faizal, P.R., Norizah, M. (2020). Pelaksanaan subjek hubungan etnik tanpa peperiksaan akhir di UiTM cawangan Melaka, *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(20): 18-34.
- Sakinatul Raadiyah Abdullah et al. (2022). Keberkesanan Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban Dalam Memupuk Kesepaduan Kaum: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM). *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)* 7(46), 571-582.
- Wellington, J. (2004). Ethics and Citizenship in Science Education: now is the time to jump of the fence. *School Science Review*, 86(315), 33-38.
- Zelditch, M. (1962). Some methodological problems of field studies. *American Journal of Sociology*, 6(7), 566-76

### **Laman Sesawang**

- Kementerian Pengajian Tinggi. (2022). Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022–2025. Diperoleh dari <https://cci.umk.edu.my/download/2023-01-19-Pelan-Tindakan-Pendidikan-Tinggi-Malaysia.pdf> (diakses pada 06 Februari 2024)
- World Bank. (2024). Tertiary Education. <https://www.worldbank.org/en/topic/tertiaryeducation#3>(diakses pada 06 Februari 2023)

### **Seminar**

- Kamarul Azmi, J. (2012). *Metodologi pengumpulan data dalam penyelidikan kualitatif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 di Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012.
- Kamsani Md. Saad (2021). *Persepsi Pelajar Terhadap Implimentasi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban Di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah*. Kertas kerja dibentangkan di International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSYPAL 2021) Online Conference pada 6 April 2021.
- Ng, M. Y., & Harahap, I. (2017). *Matapelajaran Pengajian Umum (MPU) Peneraju Transformasi Pendidikan Holistik*. In: Kuala Lumpur: National Pre-University Seminar 2017 (NpreUS2017) RHR Hotel, Bangi, Selangor, Malaysia
- Ruzaini Ijon, Siti Fathihah binti Abd Latif, Ateerah binti Abd Razak & Azahah Abu Hassan Shaari . (2021). *Pembangunan Insan Dalam Mata Pelajaran Umum: Kajian Terhadap Pelajar Universiti Malaysia Kelantan*. e-Prosiding Seminar Mata Pelajaran Umum Peringkat Kebangsaan (SeMUKe-1).

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*